

09 DEC 1996

Teknologi-Pameran

LEBIH 100 SYARIKAT SERTAI PAMERAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Sejumlah 130 syarikat setakat ini menempah ruang untuk mengambil bahagian dalam pameran teknologi maklumat ke-lapan, ITX '96, di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Pameran empat hari itu bermula 19 Dis ini akan meliputi 3,900 meter persegi ruang pameran yang dijangka menarik kira-kira 40,000 pengunjung, kata Encik Rosedy Issa, timbalan pengerusi Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom) satu daripada penganjur ITX `96.

ITX '96 akan menggunakan konsep bersepadu yang meliputi semua jenis sektor berkaitan IT membolehkan mereka saling menghubungi ke arah menjadikan Malaysia pusat IT di rantau ini.

"Lebih daripada 10 agensi kerajaan akan turut mengambil bahagian termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis, Jabatan Imigresen, Kastam dan Eksais Diraja," kata Rosedy pada satu persidangan berita di sini hari ini.

ITX '96 akan diadakan bersama persidangan kebangsaan kedua mengenai IT, Infotech Malaysia `96, dari 18 hingga 20 Dis. Kedua-dua acara akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir dijadual menyampaikan ucapan dasar bertemakan "Ke arah Masyarakat Berilmu -- Mewujudkan Suasana Perubahan."

Selain Pikom, penganjur lain ITX `96/Infotech `96 ialah Majlis Teknologi Maklumat Negara yang dipengerusikan Dr Mahathir, Mimos Berhad, Institut Tadbiran Awam Negara, Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia, Persekutuan Komputer Kebangsaan Malaysia dan Telekom Malaysia Bhd. --
BERNAMA

MAM RON